

## MEMO

Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman, Ketua Pengarah MPC  
Melalui : Mohd. Yazid Abdul Majid, Pengarah MSF, MPC  
Daripada : Encik Muhammad Afzani Ahmad, Penolong Jurutera, MPC  
Perkara : **MEMOHON TANDATANGAN UNTUK BAIKPULIH KECEMASAN**  
Tarikh : 18hb Januari 2021, Isnin

---

YBhg. Dato';

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Unit Teknikal telah menerima aduan berkenaan kebocoran siling ditandas wanita tingkat 1 blok Inovasi (bersebelahan MIT) pada 14hb Januari 2021.
3. Pemeriksaan telah dilakukan oleh pihak teknikal mendapati kebocoran pada paip sambungan ABS (biru) di atas siling tandas wanita tersebut (seperti digambar) dan lebih memburukkan keadaan, siling pada tandas lelaki (disebelahnya) telah rosak teruk akibat kebocoran tersebut (seperti digambar). Tindakan awal telah dilakukan dengan menutup paip utama tandas wanita tersebut dan menyebabkan tandas tersebut tiada bekalan air. Justeru itu, keadaan ini diklasifikasikan sebagai **Baikpulih Kecemasan**.
4. Oleh itu, kontraktor terus dipanggil pada tarikh yang sama, untuk mengenal pasti masalah dan tindakan baikpulih paip bocor telah diambil oleh kontraktor tersebut pada keesokan harinya. Anggaran baikpulih tersebut sekitar dalam RM1600.
5. Sehubungan dengan itu, mohon pihak YBhg. Dato' dapat meluluskan perkara ini. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Dato' amatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,




Muhammad Afzani Ahmad  
Penolong Jurutera (JA29)  
Unit Teknikal, MPC

Disemak oleh,



Mohd. Yazid Abdul Majid  
Pengarah MSF  
MPC

Diluluskan oleh,



Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman  
Ketua Pengarah  
MPC

### Gambar- gambar Kerosakan



Gambar diatas: kebocoran paip sambungan ditandas wanita (bulatan)



Gambar diatas: Kerosakan Siling ditandas lelaki (disebelahnya)